

# RAHSIA AL-QURAN- DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

## ORANG-ORANG YANG SEMPURNA IMANNYA

Ayat suci yang saya peturunkan di sini ialah menggambarkan dengan sejas-jelasnya akan sifat orang-orang yang sempurna imannya :

*“Laisal birrā an tuwallū wujuhakum qibalal mashriq wal maghribi wa lākinna al-birra man ‘āmana billāhi wal yawmi al-akhir wal malā’ikati wal kitābi wal nabiyyina wa ‘ā tā al-mālā ‘alā ḥubbihi, dhawī al-qurbā wal yatāmā wal masākīna wabna ssabīlī wassa’ilīn wa fī al-riqābi wa aqā ma al-ṣalāt wa ‘atā zzakāt wal mūfūna bi’ahdihim idhā ‘āhadu. wa al-ṣābirīn fī al-ba’sā’ wa al-ḍarrā’i waḥīna al-ba’s. Ulā’ika alladhīna ṣadqū wa ulā’ika hum al-muttaqūn.”* Surah al-Baqarah: 177

Ertinya “Bukanlah (perbuatan) kebajikan, kalau kamu (hanya) menghadapkan muka kamu ke timur dan ke barat tetapi kebajikan itu ialah : Orang yang beriman kepada Allah, hari akhirat, malaikat, kitab Allah, dan Nabi-nabi. Lagi ia mendermakan harta yang dikasihinya kepada kaum kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang musafir, orang-orang yang meminta hamba tebusan yang hendak dimerdekakan dirinya, lagi ia mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan (juga) mereka yang menfaati janji apabila berjanji, serta mereka yang sabar di atas kemiskinan, kemelantaran, penyakit dan ketika peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang takwa”.

(Oleh ‘Abdullāh Basmeh)

Al-Ustādh al-Imam al-Syeikh Muḥammad Muṣṭafā al-Murāghī telah mentafsirkan ayat ini dengan lebih lanjut sambil menerangkan kelebihanannya, sebab turunnya, iman dan kesannya kepada manusia, iman yang tidak sempurna, pendidikan jiwa, sembahyang, menepati janji dan sifat sabar.

### Kelebihan Ayat Ini

Kelebihan ayat ini telah dijelaskan oleh junjungan kita (SAW) dengan sabdanya:

*“Man’ amala bihadhihi al-ayyat faqad istikmal al-īman”*

Ertinya : “Barang siapa beramal dengan (perintah-perintah yang terkandung di dalam) ayat ini maka sesungguhnya telah sempurnalah imannya”.

Kelebihan yang demikian ialah disebabkan ayat ini meliputi segala jenis kebajikan dan segala sifat kemanusiaan yang sempurna, baik dengan secara tegas atau sendirian. Meskipun kebajikan atau kebaktian itu terlalu banyak jenisnya. Tetapi adalah kesemuanya

terhimpun kepada tiga perkara. Iktikad yang benar, baik

pergaulan dengan orang ramai dan didikan jiwa.

Perkara yang pertama: Diisyaratkan dengan berimankan Allah, hari akhirat, malaikat, kitab-kitab dan Nabi-nabi.

Perkara-perkara yang kedua: diisyaratkan dengan mendermakan harta dan menyempurnakan janji.

Perkara yang ketiga: diisyaratkan dengan mendirikan sembahyang dan bersikap sabar, itulah sebabnya Tuhan azza wa jalla telah menyifatkan orang yang telah menunaikan segala jenis kebajikan tersebut dengan sifat benar dan takwa.

### Sebab Turunnya

Orang-orang Islam dalam zaman Nabi, pada mulanya tatkala mereka mendirikan sembahyang mereka berkiblat ke Baitul Maqdis, kemudian mereka diperintahkan berkiblat ke Baitullah al-Ḥarām. Peralihan kiblat itu menjadikan orang-orang Islam terlalu sukanya, manakala kaum Yahudi dan Nasrani telah naik marah dan dengkinya. Pada masa itu masing-masing asyik berbahas dan bertengkar-tengkar tentang kiblat lama dan kiblat baharu. Tuhan azza wa jalla pun menurunkan ayat yang menjadi

tajuk rencana ini menggambarkan sikap mereka yang salah itu, lalu diterangkannya bahawa bertengkar dalam perkara yang demikian ini bukanlah perbutan orang yang berakal, kerana terkeluar dari lingkungan kebaktian dan kebajikan. Sementelah pula tidak ada kelebihan bagi sesuatu arah yang tertentu atau sesuatu masa, hanyasanya kelebihan itu bergantung pada kebajikan yang terbit daripadanya, dan kerana itu wajiblah dicari akan kebajikan itu, di mana dia dan dengan apa jalannya boleh didapati?

### Asal Punca Kebajikan

Tuhan azza wa jalla telah menurunkan ayat ini ialah kerana hendak menghapuskan pertengkar yang tidak berkebajikan, lalu diterangkannya bahawa kebajikan yang meliputi ialah iktikad yang benar, berihisan pada manusia amnya, membentuk diri dengan akhlak yang mulia, dan bahawa iktikad yang benar akan didapati dengan berimankan Allah, hari akhirat malaikat, kitab-kitab dan Nabi-nabi. Manakala berihisan atau berbuat baik kepada orang ramai dapat dikerjakan dengan mendermakan harta benda dan dengan manfaati janji. Akan jalan mendidik jiwa pula ialah dengan berkekalan mengerjakan sembahyang dan dengan bersikap sabar.

### Kesan Iman kepada Manusia

Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya serta lain-lain rukunnya yang termaklum adalah menjadi punca segala jenis kebajikan, dan asas segala jenis kelebihan, kerana iman itu mendorong kepada amal-amal yang baik dan menjauhi amal-amal yang jahat serta menjadikan seseorang itu bersikap baik dan mulia, yang akan mengerjakan kebajikan semata-mata kerana perkara itu kebajikan pada zatnya, dan kerana ia hendak mencari keredhaan Allah. Ia juga akan meninggalkan kejahatan kerana perkara itu jahat semata-mata. Dan juga kerana ia tunduk menunaikan perintah-perintah Allah azza wa jalla.

Beriman kepada Allah adalah mengakui bahawa Tuhan azza wa jalla bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, tidaklah ia memerintahkan melainkan perkara-perkara yang baik dan berfaedah. Dan tidaklah melarang melainkan perkara-perkara yang buruk dan merbahaya.

Beriman pada hari akhirat adalah mengecilkan kepentingan hidup di dunia dan merendahkan harganya. Serta menjadikannya di sisi seseorang yang beriman sebagai jalan kepada hari akhirat. Orang yang beriman tidak akan tertarik hati kepada cara penghidupan melainkan yang dipandanginya menjadi tangga kepada mendampingi diri kepada Tuhan dan menjadi jalan untuk mencapai kebahagiaan akhirat. Ia tidak akan berperasaan haloba pada kehidupan dunia, hidup dan mati adalah sama sahaja kepadanya. Ia hidup di dunia kerana mengerjakan amal soleh. Dan ia bercerai daripada

dunia kerana lari daripada kejahatan pancarobanya. Dan kerana bersegera hendak mendapatkan kenikmatan yang kekal dan abadi di sisi Tuhan rabbul ‘ālamīn.

Orang mukmin yang berimankan Allah dan hari akhirat sebagaimana yang disebutkan itu adalah mudah mengorbankan diri, harta benda dan segala apa jua bentuk untuk mencapai kebenaran dan untuk mencapai keredhaan Ilahi serta untuk meninggikan agama Islam yang diturunkannya. Kerana dia tahu bahawa keredhaan Allah azza wa jalla adalah lebih besar dan utama daripada segala-galanya. Dan bahawa kenikmatan di akhirat ialah kenikmatan yang berkekalan berbanding dengan kenikmatan dunia – kenikmatan baying-bayang atau kenikmatan pinjaman yang akan lenyap.

Berimankan malaikat menjadi jalan kepada berimankan kitab-kitab dan Nabi-nabi. Berimankan kitab-kitab adalah menghendaki seseorang itu berhenti kepada garisan larangan-larangannya, dan menerima segala kandungannya, serta mengakui bahawa itulah dia kebajikan dan kebahagiaan.

Berimankan Nabi-nabi pula adalah menghendaki seseorang bersifat dengan akhlak-akhlak mereka. Serta menurut jejak dan tunjuk ajar mereka.

Dengan ini, nyatalah bahawa seseorang muslim yang membeza-bezakan di antara hukum-hukum Islam, lalu ia menerima sebahagian dan meninggalkan sebahagiannya yang lain, dan memandang pula sebahagian daripadanya elok dan bahagiannya yang lain tidak sesuai. Maka sudah tentu orang itu tidak boleh dikatakan telah berimankan segala isi kitab Allah. Bahkan orang itu hanya berimankan sebahagiannya dan ingkar akan bahagiannya yang lain. Orang-orang yang demikian sifatnya adalah termasuk di dalam firman Allah Ta‘ālā:

*“Afatā’ minūn biba’ di al-kitābi wataḥfurūn biba’ dīn? famā jazā’ man yaf’ al dhalika minkum al-khizyūn ft al-ḥayāt al-dunyā, wa yawm al-qiyāmat yuraddūn illā ashaddi al-‘adhab, wa mā Allā bighāfilin ‘ammā ta’ malūn”* 85, al-Baqarah

Ertinya: Adakah patut kamu berimankan sebahagian dari kandungan kitab Allah dan ingkar akan setengahnya yang lain, maka tiadalah balasan orang yang melakukan demikian, melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia. Dan pada hari kiamat dimasukkan ke dalam azab yang sangat besar dan Allah tidak lalai daripada apa-apa yang kamu lakukan.

Tentang ini al-ustādh al-Imam syeikh Muḥammad Muṣṭafā al-Murāghī telah memberi sedikit ulasan kitabnya: Malangnya Islam dahulu dan sekarang telah mempunyai dua puak yang menisbahkan diri kepadanya dengan jalan yang tidak sebenarnya: Sepuak telah terpedaya kepada buah-buah fikiran yang berbagai-bagai corak mazhabnya dan telah terpengaruh kepada

sesetengah undang-undang buatan manusia. Manakala puak yang lain pula telah sibuk mengerjakan perkara-perkara yang jauh daripada tujuan-tujuan Islam dan segala apa yang digalakkannya, seperti membela kebenaran dan kerja-kerja yang baik, berusaha ke arah kebahagiaan manusia amnya, mensucikan diri dan mendidiknya. Memandang rendah kepada segala jenis urusan hidup yang tidak membela kebenaran. Kebenaran yang dengannya telah terdiri langit dan bumi. Dan dengannya al-Quran telah diturunkan dua puak yang tersebut tidaklah ubahnya seperti keadaan golongan-golongan yang telah pertengkarkan soal kiblat pada zaman dahulu. Dan yang telah diterangkan oleh Allah bahawa sikap mereka yang demikian bukanlah daripada tingkah laku yang berkebijakan.

Jelasnya berimankan Allah dan Rasul tidaklah terhitung daripada kebajikan melainkan sehingga nampak kelihatan kesan-kesannya, dan sehingga Allah dan Rasul-Nya menjadi sekasih-kasih benda kepada seorang mukmin, sebagaimana yang dibayangkan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

Ertinya: “Katakanlah! Jika adalah bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, kaum kerabat kamu harta benda yang kamu dapat untung daripadanya perniagaan yang kamu takut rugi di dalamnya, dan tempat-tempat kediaman yang kamu sukai, (semuanya itu jika masih menjadi) lebih cinta kepada kamu daripada Allah dan Rasul-Nya serta berjihad pada jalannya. Maka tunggulah oleh kamu sehingga Allah menitahkan perintah-Nya, Allah tidak menunjukki orang-orang yang fasik.”

Iman itu juga tidak akan menjadi berkebijakan melainkan sehingga jelas nyata seseorang mukmin itu mempunyai sifat orang-orang yang beriman, Tuhan azza wajalla telah mensifatkan mereka: Bahawa hati mereka akan tenang tenteram dengan zikir atau ingatan kepada Allah. “Dan bahawa mereka apabila diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menerima hukumannya maka mereka dengan senang hati akan menerima sambil berkata: Kami taat dan kami dengar. Mereka juga telah disiksa oleh Allah dengan firman-Nya :

*Innamā almu’minūna lladhīna ‘āmanu billah wa rasūlih thumma lam yar taābū wa jāhadū bi’amwālihīm wa anfasihīm fī sabīlillah ūla’ika hum al-ṣādiqūn.* 15, al-Ḥujurāt

Ertinya : “Hiasan orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang beriman kepada Allah dan rasulnya, kemudian mereka tidak menaruh syak wasangka, dan mereka berjihad dengan harta benda dan diri mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar, yakni yang sebenar-benarnya beriman .

(bersambung)

(sambungan daripada muka 6)

saudara-saudara itu adalah salah pada jalan bahasa Melayu, sama salahnya dengan seorang yang berkata: Demi memikul , demi makan dam demi mengetahui.

Bukankah elok disebut “difahami” daripada “dimengerti”? Ini pun satu lagi contoh “Bahasa Melayu Baharu” angkatan baharu.

Mengenai soal ini sebuah akhbar mingguan baru-baru ini telah bertanya kepada pembaca begini:

“Apa fikiran tuan terhadap Angkatan Sasterawan 50. Ada setengah orang mendakwa misalnya, bahawa syarahan-syarahan Angkatan 50 di radio Melayu susah hendak difahami dan dengan hal yang demikian kurang menarik perhatian rakyat.”

Bagi menjawab pertanyaan itu, Abu Bakar Ahmad mengatakan: tentang bahasa mereka, tak payahlah ia mengulasnya, hanya beliau kurang mengerti tentang gaya percakapan mereka seolah-olah dibuat-buat sahaja. Beliau mengesyorkan eloklah mereka mengikut percakapan hari-hari.

Cik Zahrah Za’ba pula mengatakan: merasa musykil tentang pelat-pelat yang digunakan mereka bercampur aduk – pelat Melayu dan pelat Indonesia.

Cikgu Mahmud pula mengatakan: kadang-kadang bahasa mereka tinggi. Elok direndahkan – katanya.

A. Abuci Bin Mat seorang pula mengatakan: Harus hanya kalangan sasterawan-sasterawan sendiri sahaja yang mengerti dan faham akan keadaan kata-kata sastera itu. Beliau mengesyorkan eloklah mereka menerbitkan sebuah kamus untuk menjadi panduan orang ramai.

A. Rashid Yusuf pula berterus terang mengatakan: bahawa beliau kurang mengerti akan isi karangan dan sajak yang mereka tulis. A. Rasyid mengatakan lagi: Bahkan rakan-rakannya pun sama bersungguh kerana tidak faham dan tidak mengerti.

Jawapan-jawapan yang telah disiarkan oleh akhbar itu rasanya cukuplah terang dan menjadi sebesar-besar bukti.

Saya harap teguran-teguran ikhlas yang telah diberikan oleh orang ramai kepada Angkatan Sasterawan kita akan mendatangkan iktibar. Sekianlah